

# Dr. M yakin penduduk Kubang Pasu tetap setia bersama BN

UM 19 JAN 2002

JITRA 18 Jan. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yakin penduduk kawasan Parlimen Kubang Pasu akan terus menyokong calon Barisan Nasional (BN) walaupun apabila beliau tidak lagi mempertahankan kawasan itu.

Kata Dr. Mahathir, beliau sedar usianya semakin lanjut dan tidak mungkin akan terus menjadi calon di Kubang Pasu.

“Kalau saya bertanding pun, saya yakin penduduk Kubang Pasu masih memberikan sokongan,” ujar Dr. Mahathir semasa berucap pada majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri bersama penduduk kawasan Kubang Pasu, di Institut Perguruan Darulaman di sini hari ini.

Menurut beliau, sokongan yang diberikan itu bukan kerana beliau sebagai Perdana Menteri tetapi kerana BN.

Pada majlis itu, Dr. Mahathir mengucapkan terima kasih kepada penduduk di kawasan Parlimennya itu kerana terus memberikan sokongan kepadanya.

“Saya bersyukur kerana menjadi wakil rakyat Kubang Pasu dan tidak pernah kalah walaupun ada cubaan untuk mengalahkan saya,” katanya.

Beliau juga memohon maaf kepada penduduk kerana tidak dapat pulang ke kawasan-nya lebih kerap ekoran tugas-tugas negara.

Kira-kira 4,000 orang hadir pada majlis jamuan hari raya itu.

Pada majlis itu beliau turut menyampaikan bantuan biasiswa sebanyak RM120,000 sumbangan UMNO bahagian Kubang Pasu kepada pelajar-pelajar.

Pelajar cemerlang akan menerima sumbangan RM1,000 selama dua tahun berturut-turut.